

Mendepani Cabaran Memelihara Kedaulatan Negara

08 Ogos 2025 bersamaan 14 Safar 1447H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰالَمِينَ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِي اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH TAALA,

Sempena dengan sambutan Hari Imigresen Malaysia ke 103 Tahun, khutbah hari ini adalah bertajuk; "Mendepani Cabaran Memelihara Kedaulatan Negara".

Kedaulatan Negara adalah satu anugerah besar daripada Allah Taala yang perlu dijaga dan dipelihara dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab. Ia bukan sekadar kebebasan daripada penjajahan, tetapi meliputi kebebasan dalam membuat dasar, mentadbir urus, menjaga sempadan tanah air, memelihara perpaduan dan kelestarian hidup rakyat serta mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara.

Allah Taala berfirman dalam surah al-Hajj, ayat 41:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
الَّذِينَ إِنْ مَكَنُوهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَإِاتَوْا الزَّكَوَةَ وَأَمْرُوا
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Yang bermaksud: "laitu mereka (orang beriman) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta menunaikan zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahanan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan".

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa kekuasaan dan kedaulatan yang dianugerahkan kepada orang yang beriman itu, adalah merupakan satu amanah daripada Allah Taala, yang mesti digunakan untuk menegakkan syariat-NYA, agar negara terus berada dalam aman dan makmur serta dilimpahi keberkatan.

SIDANG JUMAAT YANG DIHORMATI SEKALIAN,

Pada hari ini, cabaran untuk memelihara kedaulatan negara bukan sahaja datang dari sudut ketenteraan atau politik, tetapi juga dari pelbagai cabaran lain yang melibatkan keselamatan fizikal dan jenayah global. Antaranya seperti :

1. Kegiatan sindiket pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran
2. Pendatang asing tanpa izin yang menggugat peluang pekerjaan dan keselamatan awam
3. Ancaman pengganas dan jenayah rentas negara
4. Penyalahgunaan pas lawatan atau pas kerja

5. Sindiket penipuan dalam talian melibatkan warga asing
6. Penyalahgunaan barang bersubsidi dan lain-lain lagi.

Jika kita lalai dan leka, maka kedaulatan yang diwarisi ini boleh dirampas kembali, bukan dengan senjata, tetapi melalui kelemahan dalaman yang kita sendiri biarkan. Oleh itu, rakyat mesti berganding bahu bagi membantu agensi keselamatan khususnya pihak Jabatan Imigresen Malaysia dalam usaha mereka untuk mengekang dan mengawal segala bentuk ancaman tersebut. Kita seharusnya menjadi mata dan telinga bagi pihak berkuasa dalam melaporkan kesalahan berkaitan keselamatan negara khususnya yang melibatkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam usaha menjaga kedaulatan undang-undang negara, kita tidak boleh memandang ringan terhadap isu keselamatan yang melibatkan penyeludupan warga asing khususnya Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Sesungguhnya, Jabatan Imigresen Malaysia memainkan peranan penting sebagai benteng utama negara dalam menjaga kedaulatan tanah air daripada pencerobohan, jenayah rentas sempadan, serta lambakan pendatang asing tanpa izin yang boleh menggugat ketenteraman awam dan ekonomi negara. Tugas-tugas penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen bukan sekadar bersifat pentadbiran, bahkan ia termasuk dalam usaha menjaga kemaslahatan umum yang dituntut dalam Islam.

Tugas tersebut hendaklah dilaksanakan dengan integriti dan amanah sebagaimana hadis riwayat Imam Ahmad yang bermaksud:

“Tidak sempurna iman bagi sesiapa yang tidak beramanah (dalam urusannya)”

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHİ SEKALIAN,

Sebagai umat Islam yang cintakan negara, marilah kita menghormati, menyokong, dan tidak menyulitkan tugas-tugas penguatkuasaan yang dijalankan. Janganlah kita bersubahat dalam melindungi pendatang haram, atau menyokong mana-mana pihak yang melanggar undang-undang negara. Ingatlah, keamanan dan kemakmuran yang kita kecapi hari ini adalah hasil daripada usaha bersama dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.

Firman Allah Taala dalam Surah Al-Ma'idah, ayat 2:

..وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالثَّقَوْيٍ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونِ

Yang bermaksud: "... dan tolong-menolonglah kamu dalam perkara kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam perkara dosa dan permusuhan..."

Oleh itu, semua lapisan masyarakat hendaklah berganding bahu, membantu dan memberikan kerjasama erat kepada pihak berkuasa khususnya Jabatan Imigresen Malaysia dalam mendepani ancaman keselamatan global khususnya yang berkaitan penyeludupan dan jenayah warga asing. Kerjasama amatlah diperlukan dengan menyampaikan maklumat yang betul dan tepat kepada pihak Jabatan Imigresen agar tindakan sewajarnya akan dapat diambil terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH TAALA,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, renungkan beberapa kesimpulan sebagai panduan kita bersama:

Pertama: Keselamatan dan kestabilan sesebuah negara adalah sangat penting dan ia adalah amanah yang sentiasa perlu dijaga.

Kedua: menjadi tanggungjawab setiap rakyat bekerjasama dan berganding bahu untuk

membantu pihak berkuasa membanteras jenayah pemerdagangan manusia, penyeludupan migran, jenayah rentas sempadan dan lain-lain dengan menyalurkan maklumat kepada pihak penguatkuasa seperti Jabatan Imigresen Malaysia.

Ketiga: Segala usaha yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dalam memelihara kesejahteraan negara perlu dihargai dan dibantu oleh rakyat dan masyarakat.

Keempat : Aspek penguatkuasaan oleh Jabatan Imigresen, adalah tugas yang mulia yang mesti dilaksanakan oleh mereka dengan penuh kejujuran, integriti dan amanah supaya maruah negara tidak tergadai.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

يَا إِيَّاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا أَصْبِرُوا وَصَابِرُوا وَرَابِطُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ

تُفْلِحُونَ ﴿٣﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

